

penjaja dan raja



PERUBAHAN SOSIAL DAN MODERNISASI EKONOMI
DI DUA KOTA INDONESIA

CLIFFORD GEERTZ

葛世考与国史

penjaja dan raja

PERUBAHAN SOSIAL DAN MODENISASI EKONOMI
DI DUA KOTA INDONESIA



PENERBIT UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
1976

©PENERBIT UNIVERSITI MALAYA
Kuala Lumpur
1976

*Diterbitkan atas kerjasama Yayasan Obor,
Indonesia*

Disesuaikan oleh Drs. Umar Junus.

Dicetak oleh Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

KATA PENGANTAR

“Penjaja dan Raja” merupakan hasil pertama daripada kerjasama di antara Yayasan Obor dan Penerbit Universiti Malaya. Setelah buku itu diterbitkan di Indonesia maka pihak Yayasan Obor telah memberi kami peluang menerbitkan buku itu di Malaysia dengan beberapa penyesuaian bahasa dan sedikit perkara yang lain.

Buku yang terkenal di dalam Bahasa Inggeris sebagai, “Peddlers and Princes” dengan sub-title, “Social Change and Economic Modernization in Two Indonesian Towns”, merupakan hasil daripada kajian tempatan di Modjokuto yang berhampiran dengan Jogjakarta dan di Bali di dalam tahun limapuluhan. Karangan itu ditulis oleh Clifford Geertz bersedikan kajian empiricis yang dijalankan oleh beberapa penyelidik Amerika di bawah arahan Center for International Studies, Massachusetts Institute of Technology.

Buku ini boleh dibaca bukan sahaja oleh pelajar Sosiologi dan Antropologi di peringkat Universiti, akan tetapi ia juga boleh memberi satu gambaran yang menarik untuk pembaca umum yang berminat untuk mengetahui, (a) tentang keadaan desa di Indonesia yang tidak sangat berbeza dengan keadaan di Malaysia, (b) cara kerja ahli Antropologi atau Sosiologi di luar kampus, dan (c) teknik menganalisa masalah sebab serta akibat kemiskinan desa.

Kami mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terimakasih kepada Tuan Ivan Kats dari Yayasan Obor yang telah bersusah-payah menyumbangkan tenaga perseorangan untuk, “menaupkan kiambang” — setelah “biduk lintas” agak lama juga!

PROFESSOR UNGKU A. AZIZ

PENGERUSI

Penerbit Universiti Malaya

dan

NAIB CANSOLOR

Universiti Malaya

PENGHARGAAN

Kajian berikut ini berdasarkan hasil dua perjalanan luar ke Indonesia. Yang pertama ke Jawa pada tahun 1952–54 sebagai sebahagian dari “Projek Mojokuto” yang dibiayai oleh Ford Foundation di bawah naungan Center for International Studies of the Massachusetts Institute of Technology. Yang kedua, juga di bawah naungan MIT Center tetapi dengan biaya dari Rockefeller Foundation, ke Bali pada tahun 1957–58, dan selama masa ini sempat pula mengadakan kunjungan singkat ke tempat penelitian di Jawa. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada semua rakan di Projek Mojokuto — Alice Dewey, Donald Fagg, Hildred Geertz, Rufus Hendon, Edward Ryan dan Robert Jay — dan juga kepada Douglas Oliver, yang merancang projek tersebut, serta Max Millikan, Pengarah MIT Center, atas persahabatan dan segala bantuan. Mengenai perjalanan ke Bali, Everett Hagen telah memberikan bantuan baik yang bersifat intelektual mahupun material, dan oleh itu saya sangat berterima kasih; sedangkan diskusi-diskusi dengan anggota Center yang lain — khususnya Benyamin Higgins, Guy Pauker, dan Douglas Pauw — sangat berfaedah untuk merumuskan dan menyelesaikan kajian ini.

Buku ini saya tulis pada waktu saya mendapat Fellowship di Center for Advanced Study in the Behavioral Sciences pada tahun 1958–59 dan saya tulis kembali pada waktu saya menjadi anggota Committee for the Comparative Study of New Nations di University of Chicago; dan kepada kedua lembaga yang terhormat itu, yang pertama menjadi model bagi yang kedua, saya sangat terhutang budi, dan demikian pula kepada beberapa orang anggota kedua lembaga tersebut yang telah sudi membaca dan menyampaikan kritik-kritik mereka.

Selanjutnya saya tidak lagi berusaha untuk mengadakan pembetulan-pembetulan berdasarkan peristiwa-peristiwa yang telah terjadi di Indonesia sejak saya tinggalkan empat tahun yang lalu. Demikianlah, kata-kata “sekarang”, “kini”, dsb., menunjuk ke tahun-tahun 1952–59, dan kalau kita meninjau kedua kota ini dalam tahun 1963 — “sekarang” yang sebenarnya — maka beberapa pembetulan memang harus dibuat. Hilangnya Masyumi dan PSI dan, bahkan sesungguhnya, lenyapnya sebahagian besar perjuangan politik secara bebas yang terdapat pada masa-masa sesudah Revolusi; pindahnya, konon, orang-orang Cina dari kota-kota kecil; semakin pentingnya kedudukan tentera, semuanya itu adalah hal-hal yang sedikit sebanyak tentu merubah keadaan, walaupun sampai seberapa jauh perubahan-perubahan itu sungguh-sungguh terjadi, tidaklah mungkin bagi saya yang berada di kejauhan ini mengatakannya. Namun, saya rasa bahawa walaupun terdengar riak yang riuh rendah bunyinya, tidaklah banyak perubahan sosioekonomi yang asasi di

Indonesia sejak Revolusi, dan sebahagian besar sekali dari pelukisan dan analisa yang berikut ini masih tetap berlaku.

Kepada isteri saya, yang telah menjadi rakan-kerja saya di dalam kedua projek tersebut, demikian besarnya rasa hutang budi saya, sehingga ucapan terima kasih akan terasa hampa dan sia-sia belaka. Kerana itulah maka buku ini telah saya persembahkan kepada seorang sahabat kami berdua yang bersama-sama dengan kami dalam perjalanan kami yang pertama dan yang telah meninggal dunia, di Amerika Syarikat, pada waktu kami mengadakan perjalanan kami yang kedua. Buku ini, barangkali, bukanlah buku yang akan ditulisnya; tetapi buku semacam inilah, saya rasa, buku yang ia tidak akan berkeberatan menerimanya.

KANDUNGAN

<i>Kata Pengantar</i>	<i>vii</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>ix</i>
Pendahuluan	1
Dua Kota Indonesia	6
Perkembangan ekonomi di Mojokuto	24
Perkembangan ekonomi di Tabanan	77
Kesimpulan: Mojokuto, Tabanan dan Indonesia	136
Indeks	153

PENDAHULUAN

Penggunaan konsep "take-off" di dalam diskusi-diskusi pada waktu akhir-akhir ini mengenai proses perkembangan ekonomi di dalam masyarakat-masyarakat non-industri memenuhi dua fungsi yang berfaedah. Pertama, menegaskan bahawa proses ini tidak berterusan sifatnya. Kedua, menekankan kenyataan bahawa masalah-masalah khas yang dihadapi oleh suatu ekonomi nasional berubah menurut peringkat dari seluruh proses yang kebetulan dilalui.¹ Dengan menonjolkan kenyataan bahawa apabila terdapat kondisi-kondisi yang tepat, peralihan dari kebekuan ke pertumbuhan yang melanjut itu dapat demikian pesatnya sehingga seakan-akan merupakan letusan, maka konsep take-off itu telah mempertajam kesedaran kita bahawa masalah-masalah perkembangan di negara yang baru saja memasuki peralihan (seperti Cina atau, barangkali, India) berbeza sekali dengan negara yang telah berhasil melewati peralihan tersebut dan telah mulai memasuki kenaikan yang tetap dalam pendapatan per kapita (seperti Meksiko atau Turki). Pandangan "loncatan kuantum", "fungsi-langkah", "revolusi industri" dari pemodenan ekonomi itu memberi sekurang-kurangnya bentuk yang sedikit sebanyak agak tetap tentang suatu proses yang kabur dan kurang jelas batasannya.

Tetapi pendekatan ini juga ada bahayanya. Salah satu di antaranya ialah bahawa pendekatan ini akan menyebabkan kita mempergunakan pendapatan per kapita sebagai suatu indeks yang eksklusif dari proses perkembangan ekonomi dan dengan demikian menyebabkan kita memusatkan perhatian kita pada takat-takat di mana terjadi perubahan-perubahan yang paling menonjol di dalam proses perkembangan itu. Memang, dari satu segi, kenaikan pendapatan per kapita *adalah* pertumbuhan ekonomi, dan bukan hanya indeks dari pertumbuhan itu saja; tetapi dari segi lain jelas pula bahawa kenaikan-kenaikan serupa itu hanyalah satu akibat yang sangat nyata dari suatu proses yang kompleks, yang hanya terbayang secara umum dan kabur, sehingga suatu pengenalan mudah tentang perubahan dalam pendapatan per kapita itu dengan perubahan sosial yang menimbulkannya akan sangat menyesatkan. Walaupun mungkin berlaku bahawa perkembangan itu, sebagai proses ekonomi, adalah suatu perubahan yang sangat hebat dan revolusioner, namun belum pasti demikian sebagai sesuatu proses sosial yang lebih luas.

¹ Lihat W.W. Rostow, *The Stages of Economic Growth* (Cambridge: Cambridge University Press, 1960).

Terjemahan dalam bahasa Indonesia oleh P. Sitohang, *Tahap-tahap Pertumbuhan Ekonomi* (Jakarta: Bharatara, 1965).

Apa yang kelihatan sebagai loncatan kuantum jika dilihat dari segi ekonomi yang khusus, ternyata hanyalah suatu ungkapan terakhir dari suatu proses yang telah berkembang secara lambat laun dalam jangka waktu yang cukup panjang jika dilihat dari segi sosial yang umum.

Hal ini akan makin jelas kelihatan jika kita perhatikan negara-negara yang walaupun sekarang belum memasuki peringkat take-off tetapi mungkin sekali sudah akan memasukinya dalam waktu yang tidak begitu lama lagi. Di dalam negara seperti itu, pendapatan per kapita barangkali hanya naik sedikit saja; bahkan pada beberapa negara mungkin menurun. Namun sukarlah mengeneppikan kesan bahawa perubahan-perubahan sosial dan kebudayaan yang asasi yang kemudian membuka jalan ke arah pertumbuhan ekonomi yang cepat sedang terjadi. Tentu-lah sekarang makin jelas bahawa Jepun pada zaman Tokugawa, Rusia menjelang tahun 1917, dan Inggeris tahun 1750 bukannya masa kemantapan yang tenang dan statis dan tiba-tiba meledak revolusi ekonomi secara mendadak. Tetapi malahan merupakan masa kegelisahan sosial dan intelektual yang meluas, di mana hubungan sosial dan nilai kebudayaan yang penting mengalami perubahan sedemikian rupa, sehingga memungkinkan terjadinya penyusunan semula secara besar-besaran di dalam kegiatan-kegiatan pengeluaran. Sekurang-kurangnya adalah mungkin bahawa pada waktu take-off itu terjadi sebahagian besar perubahan sosial yang kita hubungkan dengan industrialisma, di dalam hal yang khas, sudah lama berlangsung. Pertumbuhan yang sangat pesat dalam pendapatan dan pelaburan modal, yang secara khas kelihatan selama tahun-tahun pertama dari pemodaln perekonomian suatu bangsa, sebahagian adalah hasil penumpuan pada perubahan-perubahan ekonomi yang dimungkinkan oleh kerana terjadinya perubahan-perubahan yang lebih luas dan lebih asasi sehingga tenaga-tenaga kreatif dapat disalurkan ke arah tujuan-tujuan yang lebih menghasilkan.

Segala tanda dan gejala menunjukkan bahawa Indonesia dewasa ini ada di tengah-tengah masa pra-take-off seperti itu. Sejak tahun 1945, bahkan sesungguhnya sudah sejak tahun 1920, kita telah melihat permulaan-permulaan dari suatu perubahan yang asasi dalam nilai-nilai dan institusi-institusi sosial ke arah pola-pola yang biasanya kita hubungkan dengan perekonomian yang sudah berkembang, walaupun kemajuan yang sungguh-sungguh ke arah terciptanya perekonomian serupa itu masih sedikit sangat dan jarang. Perubahan-perubahan dalam sistem pelapisan sosial, pandangan hidup dan tatasusila, organisasi politik dan ekonomi, pendidikan, dan bahkan juga di dalam struktur kekeluargaan, telah terjadi di kalangan yang luas. Banyak perubahan yang biasanya mendahului take-off di Barat — seperti komersialisasi pertanian, pembentukan perusahaan-perusahaan tak berdasarkan kekeluargaan, makin naiknya mertabat kemahiran teknik dibanding

dengan pengetahuan keagamaan dan kesenian — juga mulai kelihatan, dan industrialisasi, secara tepat, telah dijadikan salah satu tujuan politik yang terutama bagi bangsa Indonesia keseluruhannya.

Namun belum dapat ditetapkan bahawa semua perubahan itu akhirnya akan mencetuskan take-off. Kemungkinan selalu ada bahawa pada peringkat tertentu, bahkan mungkin saja pada peringkat permulaan, perkembangan itu akan macet. Levy, misalnya, telah menunjukkan bahawa meskipun banyak perubahan sosial yang merupakan prasyarat bagi industrialisasi itu telah terjadi di negeri Cina menjelang akhir dinasti Cing — terutama lenyapnya sistem kekeluargaan luas — namun pertumbuhan ekonomi yang seharusnya terjadi tak kunjung tiba: Selama lima dekad yang terakhir ini atau lebih, dalam hal modernisasi Cina telah menjadi semacam tanah tak bertuan. Ada juga modernisasi ala kadarnya, tetapi tingkat industrialisasi yang cukup tinggi belum dicapainya, pada hal versi yang stabil dari masyarakat “tradisional” yang dulu pernah dimilikinya tidak diperolehnya kembali.² Kecuali jangka waktunya yang lebih pendek, gambaran bagi negara Cina itu cocok dengan keadaan Indonesia, terutamanya Jawa. Peralihan ke masyarakat moden telah bermula; tetapi apakah — atau barangkali lebih baik: bilamanakah — peralihan itu akan berakhir, tidaklah dapat ditentukan.

Di dalam masyarakat pra-take-off serupa itu, di mana keseimbangan tradisional telah lenyap sedangkan keseimbangan yang lebih dinamis dari masyarakat industrial belum tercapai, maka penyelidikan mengenai prospek-prospek bagi perkembangan itu dapat dipisahkan menjadi dua tugas analisa yang berlainan. Yang pertama ialah tugas meneliti perubahan-perubahan ke arah modenisasi yang sungguh-sungguh terjadi. Perubahan sosial dan perubahan kebudayaan apakah yang sedang terjadi, yang berdasarkan pertimbangan-pertimbangan komparatif dan teoritis, nampaknya akan memudahkan perkembangan? Yang kedua ialah apa yang dapat kita sebut masalah “massa yang kritis”, iaitu tugas menganggarkan peringkat yang harus dicapai oleh berbagai perubahan dan interrelasi yang harus diperoleh di antara perubahan-perubahan itu sebelum take-off itu sungguh-sungguh terjadi. Gabungan daya-daya sosial dan, kebudayaan yang bagaimanakah yang harus ada sehingga perkembangan dapat bermula dan jalan keluar dari tanah tidak bertuan yang tidak tradisional tetapi juga tidak moden itu dapat dicapai? Kita harus mengenenikan berbagai proses yang menjadi komponen dalam pemodenan itu dan di samping itu juga mempertimbangkan bilamana dan bagaimana proses-proses itu terhimpun menjadi take-off dalam

²M.J. Levy, “Contrasting Factors in the Modernization of China and Japan” di dalam S.Kuznets et al. (eds.), *Economic Growth: Brazil, India, Japan* (Durham, N.C.: Duke University Press, 1955), 496–536.

pengertian ekonomi.

Pada umumnya, para ahli antropologi memusatkan perhatiannya pada tugas analisa yang pertama sedangkan pakar ekonomi pada tugas yang kedua. Kaedah antropologi, satu kajian luar yang intensif, yang dilakukan sendiri tentang unit-unit sosial yang kecil di dalam lingkungan masyarakat yang lebih luas — mahu tidak mahu terletak pada sifat analisisnya yang relatif begitu meneliti dan terperinci mengenai proses sosial yang beraneka ragam yang nampak dalam bentuk yang konkrit dalam sebuah desa atau sebuah kota atau dalam suatu kelas sosial. Bidang teoritis pakar ekonomi tidak dapat tiada akan mengarahkan perhatiannya pada masyarakat sebagai keseluruhan dan pada segenap implikasi bagi seluruh perekonomian dari proses-proses yang oleh ahli antropologi dipelajari secara miniatur. Pembahagian kerja ini mendatangkan akibat tertentu. Penelitian antropologi mengenai perkembangan biasanya terdiri dari serangkaian contoh yang hampir tiada hubungan di antaranya, dari berbagai daya sosial yang “bagaimanapun juga” memainkan peranan di dalam perkembangan itu. Walaupun begitu, hanya sedikit saja, ataupun tiada langsung, yang memberikan penunjukan tentang bagaimana peranannya itu dimainkan, dan bagaimana pula pengaruhnya atas jalan perekonomian keseluruhannya. Sebaliknya, kajian ekonomi tentang perkembangan lebih cenderung untuk memberikan pernyataan-pernyataan umum tentang implikasi-implikasi dari berbagai hubungan antara keseluruhan halubah ekonomi bagi pertumbuhan yang dibatasi secara teknik, tanpa, atau hanya sedikit saja, memberikan penunjukan mengenai bagaimana tingkah laku daya-daya sosial yang menentukan nilai-nilai halubah tersebut. Di satu pihak kita memperoleh eklektisisma sosiologi yang menekankan perubahan secara beransur-ansur, di lain pihak kita memperoleh formalisma ekonomi yang menekankan revolusi.

Walaupun buku ini dalam usaha menilai prospek-prospek perkembangan di Indonesia, mengikuti tradisi antropologi iaitu dengan cara memusatkan perhatian pada contoh-contoh perubahan sosial yang konkrit yang terdapat di dua buah kota di Indonesia, namun jelas bahawa teori pertumbuhan ekonomi yang sungguh-sungguh efektif hanya akan diperoleh bila pendekatan-pendekatan proses sosial dan take-off itu dipakai bersama-sama dalam suatu kerangka analisa, atau bila kita dapat menghubungkan antara perubahan-perubahan yang luas di dalam lapisan sosial, struktur politik atau nilai-nilai kebudayaan yang memudahkan pertumbuhan pada satu pihak, dengan perubahan-perubahan yang khusus dalam tingkat penabungan dan pelaburan modal yang kita anggap sebagai sebab dari pertumbuhan itu pada pihak lainnya. Gagasan serupa ini tidak akan tercapai dengan satu kajian yang definitif saja. Namun gagasan itu akan dapat dihasilkan bila ahli antropologi sedikit demi sedikit memberi tafsiran yang lebih tegas pada

hasil penelitiannya dilihat dari segi masalah teoritis yang bersifat umum, sedangkan ahli ekonomi sedikit demi sedikit memberi isi sosiologi pada model keseluruhannya. Seperti halnya dua orang penggali terowong yang bekerja dari dua arah yang setentangan, maka masing-masing harus menggali di tempatnya sendiri dengan peralatannya masing-masing, dan selangkah demi selangkah saling mendekati. Tetapi agar keduanya akhirnya dapat bertemu di tengah-tengah gunung, dan dengan demikian hanya ada satu terowong saja, maka sambil menggali itu, masing-masing harus mencoba mengarahkan galiannya ke arah galian yang lain.

Gambaran kita mengenai proses perubahan sosio-ekonomi yang sekarang sedang terjadi di dua buah kota — yang satu di Jawa, yang satu lagi di Bali — akan meliputi satu pembicaraan mengenai beberapa implikasi dari perubahan-perubahan ini untuk membuat analisa umum tentang prospek-prospek take-off di Indonesia. Lebih khusus lagi, kita akan melakukan dua hal. Pertama, mengasingkan dayagerak-dayagerak utama dari pertumbuhan ekonomi di kedua kota tersebut. Berikutnya, berusaha menentukan bagaimana pengetahuan yang terperinci tentang daya-daya sosial yang khas, yang terbatas dan yang kelihatan sangat sempit itu, dapat memberikan sumbangan pada perumusan kebijaksanaan pembangunan dan rencana semesta. Melakukan hal itu berarti menghadapi masalah hubungan antara perubahan tempatan dan nasional, antara perubahan beransur-ansur dan mendadak, antara perubahan sosial dan ekonomi secara langsung, dan bergerak, walaupun hanya sedikit saja, ke arah tercapainya persesuaian cara memandang perkembangan di antara ahli ekonomi dan ahli antropologi.

DUA KOTA INDONESIA

Kota yang akan kita perbandingkan di sini ialah Mojokuto, yang terletak di Jawa tengah bahagian timur, dan Tabanan, di Bali barat daya. Mojokuto terletak di tepi timur lembah sungai Brantas yang besar dan berbentuk separuh bulatan lingkaran, kira-kira seratus lima puluh kilometer jauhnya dari muaranya di Surabaya, kota pelabuhan yang ketiga besarnya di Indonesia. Kota ini mempunyai ciri-ciri khas dari kota dagang kecil yang ramai, penuh sesak, dan hampir tidak ada bezanya yang satu dengan yang lain, yang terdapat di persimpangan-persimpangan jalan di sepanjang jalan raya yang melintasi sawah-sawah di Jawa tengah dengan jarak antara dua puluh sampai tiga puluh kilometer. Tabanan terletak kira-kira tiga puluh kilometer di sebelah barat Den Pasar, ibu kota Bali. Kota ini dahulu menjadi tempat kedudukan suatu kerajaan Bali, dan secara tradisional menjadi pusat kesenian dan politik. Kedua-dua kota tersebut masing-masing menjadi pusat pemerintahan, perdagangan, dan pendidikan bagi daerah persawahan di sekitarnya, yang subur dan padat penduduknya; kedua-duanya merupakan gelanggang tempatan bagi pertemuan kebudayaan antara 'Timur' dan 'Barat', 'tradisional' dan 'moden', serta 'lokal' dan 'nasional'; dan keduanya menunjukkan bukti-bukti yang jelas bahawa di situ sedang terjadi perubahan-perubahan sosial, politik, dan ekonomi yang asasi. Walaupun dari segi kebudayaan kedua-dua kota itu berlainan dan struktur sosialnya juga menunjukkan perbezaan-perbezaan tertentu yang penting, namun kedua-duanya timbul dari tradisi sejarah yang sama, mewakili kompleksiti organisasi yang hampir sama separas, dan merupakan sebahagian dari satu ketata-negaraan dan perekonomian nasional.

Persamaan di samping perbezaan inilah yang menyebabkan kedua-dua kota itu mempunyai nilai istimewa untuk menganalisa perkembangan di Indonesia.

MOJOKUTO: KOTA PASAR DI JAWA

Mojokuto nampaknya serupa saja dengan setiap kota kecil di Jawa yang jumlahnya tidak kurang dari seratus buah: pohon beringin dengan patung Hindu di bawah naungannya tumbuh di tengah pekarangan sekelompok pejabat pemerintahan di sekitar rumah wedana dengan pendapa dan halamannya yang luas; sederetan gudang-gudang dan toko-toko Cina yang terbuka bahagian depannya dan berkain khemah; pasar terbuka yang luas dengan bangsal-bangsang zing yang sudah berkarat dan kedai-kedai kayu; masjid yang putih berkilauan menyilaukan mata; dan

ratusan pondok buluh berlantaikan tanah yang berdesak-desakan tidak menentu merupakan petak-petak yang dibatasi jalan raya. Di kota itu ada sebuah panggung wayang, dua buah rumah sakit yang kecil, pajak gadai kepunyaan pemerintah, kira-kira dua dozen sekolah rendah dan sekolah menengah, stesen bas, dan landasan keretapi ukuran sempit dengan stesen, bengkel, dan lokomotif-lokomotif kecil yang masih menggunakan kayu sebagai bahan bakar dan yang kelihatan seperti alat-mainan model Victoria yang aneh. Terletak di tengah-tengah per-sawahannya yang berpetak-petak menyerupai papan catur raksasa, kota yang lebih kurang hanya dua kilometer persegi luasnya itu nampaknya hampir tidak melebihi erti literal ("tempat perhentian") dari namanya (yang sebenarnya).

Tetapi 24,000 orang — 2,000 orang di antaranya orang Cina — hidup di kota ini, dan banyak hal yang terjadi. Pejabat kawedanaan dan kecamatan, dibantu jabatan-jabatan khusus seperti pertanian, pengairan, dan kepolisan, menjalankan urusan kenegaraan atas penduduk yang masing-masing kira-kira 250,000 dan 85,000 orang jumlahnya, tersebar di daerah yang lebih kurang 167 dan 30 batu persegi luasnya.¹ Pasar menjadi pusat jaringan perdagangan yang sangat aktif dan meliputi daerah yang amat luas; melalui pasar itu segala macam dagangan disalurkan, dan dari pasar itu sebahagian besar penduduk kota barangkali mendapat mata pencariannya. Bahkan kini, walaupun hampir setiap hari pemerintah mengeluarkan peraturan-peraturan yang sengaja untuk merintang per-dagangan orang-orang Cina, tetapi baik dalam bidang eksport hasil bumi maupun impot barang-barang, perdagangan Cina ini masih tetap besar. Di situ ada kehidupan politik nasional yang moden, yang dilakukan dengan sangat saksama, lengkap dengan segala macam parti politik, organisasi-organisasi buruh, pemuda, wanita, keagamaan, dan lain-lainnya lagi, yang tidak ada henti-hentinya terlibat dalam perjuangan memperebutkan kekuasaan, sebagai cermin dari perjuangan serupa itu yang meliputi seluruh negeri dan berpusat di Jakarta. Dan ada lebih dari 2000 orang pelajar berbagai sekolah, dari sekolah rendah enam tahun sampai vokesyenal, sekolah menengah swasta, dan maktab perguruan. Kalau dari segi fizikal Mojokuto memberi gambaran lesu dan kurang terpelihara, dari segi sosial memberi gambaran yang lebih aktif.

Mojokuto sampai pada keadaan hiper-aktif ini secara wajar. Didirikan menjelang pertengahan kedua abad kesembilan belas, di salah satu daerah di Jawa tengah yang pada waktu itu masih kurang padat pen-

¹ Mengenai gambaran umum kota Mojokuto dan sekitarnya lihat C. Geertz, *The Social Context of Economic Change: An Indonesian Case Study* (Cambridge, Mass.: Center for International Studies, Massachusetts Institute of Technology, 1956 (dittoed)) Mengenai kawasan desa khususnya lihat R. Jay, "Local Government in Rural Central Java," *Far Eastern Quarterly*, XV, No. 2 (Feb. 1956), 215-17.

duduknya, Mojokuto berkembang dengan cepatnya, dan pada tahun 1925 dengan pesatnya menjadi kota dagang yang makmur, berkat kegiatan-kegiatan Belanda yang secara besar-besaran mengusahakan pertanian-perdagangan, terutama tebu, di desa-desa sekitarnya.² Pada tahun tersebut, di daerah di sekitar kota dengan radius dua puluh batu terdapat sepuluh kilang gula, tiga kilang tepung ubi kayu, dan dua kilang talirami. Di daerah itu perusahaan-perusahaan Belanda menguasai tanah perkebunan seluas kira-kira 20,000 ekar yang disewa jangka panjang dari Pemerintah Hindia Belanda, dan kira-kira seperempat luas sawah kepunyaan petani yang hidup dekat kota juga disewa tahunan oleh perusahaan-perusahaan Belanda untuk penanaman tebu.³ Pada waktu itu (1925) ada tujuh jalur landasan keretapi menuju ke berbagai kilang, dan jumlah barang angkutan antara tahun 1900 dan 1929 meningkat 4,000 peratus. Segala macam perdagangan maju pesat, bahkan juga di kalangan penduduk Indonesia. Perdagangan tenunan, tembakau, dan ikan masin berkembang dengan pesatnya. Restoran, kedai barang-barang besi, dan kedai obat muncul di mana-mana.

Imigrasi, terutama orang-orang Cina, membubung, dan angka kenaikan penduduk setiap tahun melebihi dua peratus. Makin lama makin banyak petani yang bekerja mengikut musim sebagai kuli perkebunan, petani tak bertanah bertambah banyak, dan suatu golongan terdiri dari petani-petani yang agak kaya muncul di desa-desa, dan mereka ini seringkali bertindak sebagai kontraktor yang menyediakan tanah dan kuli bagi kilang. Di kilang, pekerjaan teknik, sekurang-kurangnya pada tingkat bawah rendah, makin banyak terbuku bagi orang Indonesia, sedang pertumbuhan jalan keretapi dan perkebunan-perkebunan juga membuka lapangan baru untuk buruh kasar. Ketika semua ekspansi tersebut berpecah-belah kerana terjadinya malapetaka tahun tiga puluhan, yang memang bukan main hebatnya di Jawa, maka proses urbanisasi di Mojokuto telah lanjut sekali, dan kota itu telah berkembang jadi pusat perdagangan, pengangkutan, dan kegiatan politik kaum nasionalis.

Sesudah malapetaka — pada tahun 1934 pengeluaran gula di Hindia Belanda hanya seperlima dari pengeluaran tahun 1931 — orientasi kota itu, yang pada umumnya bersifat komersial, sudah terlalu jauh untuk diputar kembali. Walaupun tingkat hidup pada umumnya kelihatan sekali turunnya, tetapi penanam tanaman kontan (jagung, kacang soya, ubi

² Untuk keterangan lebih luas lihat Geertz, *op. cit.* pp. 29 ff. Perkebunan pertama muncul pada tahun 1875.

³ Angka yang sebanding untuk Jawa seluruhnya pada waktu itu adalah enam peratus, menunjukkan bahawa Mojokuto dengan tepat memang dapat disebut sebagai "daerah gula." G.H. Van der Kolff, "An Economic Case Study: Sugar and Welfare in Java" di dalam P. Ruopp (ed.), *Approaches to Community Development* (The Hague and Bandung: W. van Hoe, 1953), 188—206.

kayu), yang biasanya dibiayai orang-orang Cina, sebahagian daripadanya telah dapat menggantikan gula sebagai pendapatan tunai untuk para petani. Pada waktu itu tinggal sedikit saja para petani yang masih memiliki tanah yang lebih dari satu ekar. Pasar dibanjiri ratusan pedagang kecil yang mencari sedikit nafkah dengan susah payah, padahal sebelumnya beberapa orang pedagang besar boleh mendapatkan keuntungan yang besar di situ. Sejumlah industri kecil yang lemah dan kurang teratur jalannya — penjahitan, pembikinan rokok, dan pembikinan arang — muncul di kota mahupun di desa-desa sekitarnya. Walaupun hari-hari terakhir zaman penjajahan dan zaman pendudukan Jepun adalah masa penghematan bagi Mojokuto, tetapi mengenai arah perkembangan itu sendiri sama sekali tidak ada perubahan. Berkurangnya kesempatan untuk mendapatkan keuntungan dari perdagangan menyebabkan makin banyaknya orang yang memenuhi lapangan kerja yang masih ada, sehingga walaupun Mojokuto menderita kerugian, namun kegiatan ekonomi di situ bukannya berkurang, tetapi malahan semakin intensif. Kerana tidak mungkin lagi kembali ke pertanian atau ke kerajinan tangan desa dan ke kehidupan berjaja sambilan yang sangat terikat pada tempat tinggal, sebagai suatu mata pencarian, maka ada kecenderungan umum bagi sebahagian besar penduduk untuk menjadi pengusaha kecil-kecilan. Ini berlangsung terus sampai masa sesudah perang.

Kecenderungan ke arah masyarakat yang sangat mementingkan pasar atau pasar-sentrik itu tercermin juga dalam evolusi struktur sosial di Mojokuto. Sampai pertengahan tahun tiga puluhan masyarakat kota Mojokuto, seperti halnya hampir semua kota kecil di Jawa, terdiri dari empat golongan besar, iaitu golongan atasan (priyayi), yang meliputi para pegawai pemerintah dan beberapa pegawai kilang yang berpangkat cukup tinggi; pedagang (wong dagang), yang meliputi para pedagang kain, tembakau, barang-barang, besi dan lain-lainnya, yang kadang-kadang cukup kaya; "orang kecil" (wong cilik) yang meliputi buruh tak bertanah, petani kecil, dan tukang-tukang kecil yang marginal (tukang kayu, tukang batu); dan orang-orang Cina (wong Cina). Orang-orang Cina itu hampir semuanya jadi pedagang, dan kerana itu dalam pengertiannya yang luas termasuk golongan wong dagang juga; tetapi kenyataannya, mereka itu pada umumnya berada di luar sistem sosial Jawa, dan merupakan golongan kecil yang tersendiri; walaupun mereka telah sedikit sebanyak berakulturasi dengan penduduk tempatan, namun mereka pada dasarnya tetap orang asing.

Di Mojokuto, jumlah golongan priyayi, yang merupakan golongan elit kebudayaan dan politik, tidak seberapa besarnya jika dibandingkan dengan di kota-kota lain yang seimbang samaada dalam hubungan ketuaannya atau pun ukuran besarnya. Hal ini disebabkan kerana Mojokuto hanya ibukota kawedanan saja, sedangkan kota-kota lain yang sebanding kebanyakan adalah kota kabupaten, dan kerananya mem-

punyai kelompok pegawai pemerintah yang lebih besar.⁴ Oleh yang demikian pengaruh gaya hidup kaum aristokrat yang jadi birokrat itu — berkiblat pada gaya hidup istana, sangat terpengaruh oleh Hinduisme, dan mementingkan sekali adat sopan-santun dan kesenian — tidaklah sebesar yang terdapat di kota lain, dan dominasi 'kaum atasan' yang agak berlebih-lebihan sopan-santunnya atas kehidupan di kota itu tidak begitu menyesak nafas.

Tetapi, walaupun golongan pegawai pemerintah lebih kecil jumlahnya dibandingkan dengan di kota-kota lain yang seimbang namun akibat dari ekonomi perkebunan, golongan pedagang di situ adalah lebih besar daripada yang biasanya. Tokoh-tokoh utama golongan pedagang ini — saudagar-saudagar kain, tembakau, dan barang-barang besi — adalah orang-orang Islam yang saleh (beberapa orang di antaranya sungguh-sungguh keturunan Arab), pendatang dari daerah pantai utara pulau Jawa, yang telah berabad-abad lamanya menjadi pusat perdagangan dan penyebaran agama Islam, Hemat, rajin, dan saleh, mereka itu telah memberi corak Levant pada kota Mojokuto dan mengisinya dengan suasana pasar. Dan organisasi ekonomi mereka itu menjadi begitu demikian majunya, sehingga selama beberapa tahun mereka merupakan ancaman yang sungguh-sungguh bagi sebahagian besar perdagangan tempatan, yang berada di tangan orang-orang Cina.

Dengan memisahkan diri menurut daerah asal mereka masing-masing, pedagang-pedagang kecil profesional itu membentuk kelompok-kelompok kedaerahan yang kemas dan cenderung untuk mengususkan diri dalam bidang perdagangan tertentu: orang-orang dari satu daerah berjualan kain, dari daerah yang lain berjualan pakaian yang siap dan rokok, dari daerah yang ketiga ikan masin dan rempah-rempah, dari daerah yang keempat barang-barang besi kecil, dsb. Beberapa toko entrepot menjual kain secara besar-besaran atas dasar kredit (yang terbesar di antaranya membanggakan diri dengan empat orang pegawai administrasi, seorang pemegang buku orang Cina, dan perjanjian dengan seorang pengimpot di Surabaya untuk membayar bil setengah tahun sekali) dan bahkan menyediakan kereta lembu gerobak pengangkut bagi para penjual runcit yang biasanya terdiri dari pedagang keliling yang menjajakan dagangannya ke pasar-pasar sampai lima puluh kilometer jauhnya dari kota Mojokuto. Perkumpulan dagang yang besar-besaran dan kemas dibentuk untuk mengumpulkan funds, membahagi-bahagi daerah, dan menagih hutang para anggota. Di antara kelompok-kelompok itu terdapat persaingan yang hebat, kedengkian, dan saling

⁴ Kabupaten adalah tingkat pemerintahan yang satu tingkat lebih tinggi daripada kawedanan dan merupakan pusat pemerintahan regional di sebahagian besar pulau Jawa. Mengenai organisasi pemerintahan sivil di Jawa lihat A. Vandenbosch, *The Dutch East Indies* (3rd. ed.; Berkeley: University of California Press, 1942).